

UCAPAN Y.B. TAN SRI FATIMAH BTE. HAJI HASHIM P.M.N., DI MAJLIS PEMBUKAAN SEMINAR MENGENAI RANCANGAN MALAYSIA KEDUA, GERAKAN PEMBAHARUAN DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA PADA HARI JUMAAT, 8HB. DISEMBER, 1972 JAM 9.30 PAGI DI SEKOLAH MENENGAH METHODIST (PEREMPUAN), JALAN YOUNG, KUALA LUMPUR.

---

Y.A.B. Tun Dr. Ismail, Timbalan Perdana Menteri, Yang Berbahagia Toh Puan Norashikin, Puan Daisy Leong, Pengerusi Jawatankuasa Seminar, Para jemputan dan wakil-wakil sekelian yang hadir,

Terlebih dahulu saya dengan sukacitanya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Tun Timbalan Perdana Menteri, kerana sudi hadir serta merasmikan Pembukaan Seminar "Rancangan Malaysia Kedua, Gerakan Pembaharuan dan Pertubuhan-pertubuhan Wanita" pada pagi ini. Walau pun sangat sibok dengan urusan-urusan negara, tetapi Tun Timbalan Perdana Menteri telah dapat memenuhi permintaan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia yang menganjurkan Majlis Seminar ini. Kehadiran Y.A.B. Tun disertai pula dengan Toh Puan Hajjah Norashikin, ini adalah sangat mengembirakan kami sekelian.

Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia yang dianggotai oleh 13 buah pertubuhan-pertubuhan wanita, adalah berpendapat, bahawa keamanan, keadilan, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat negeri ini tidak akan terujud dengan tegoh dan bermaruah, selagi kaum wanitanya tidak bersama-sama memainkan peranannya yang tertentu.

Rancangan Malaysia Kedua dengan dasar ekonomi barunya, dan usaha hendak mempereratkan lagi perpaduan rakyat negeri ini, memodenisasikan bandar dan luar bandar, adalah rancangan raksaksa yang ditunggu-tunggu dan dialu-alukan oleh kaum wanita. Kesukaan semula jadi wanita memang sukakan kepada kechantikan bukan sahaja kechantikan hiasan diri sendiri, bahkan juga kechantikan Negara yang subur dan aman, kechantikan masyarakat yang bersatupadu, kechantikan keluarga yang sejahtera dan tinggi taraf hidupnya.

Dengan itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kaum wanita telah begitu sedar dan berlumba-lumba menceburkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan kerja-kerja sukarela, dengan

tujuan supaya dapat memberi khidmat bakti kepada Negara dan masyarakat bagi memenuhi tanggungjawab dan kesukaannya.

Atas kesedaran terhadap kehendak-kehendak masyarakat dan Negara serta perasaan tanggungjawab yang timbul dikalangan pemimpin-pemimpin wanita hari ini dan mahukan supaya usaha-usaha kerja sukarela dan penat lelahnya dapat benar-benar memberi bimbingan, pendidikan, bantuan bagi kesejahteraan keluarga kelompok, khususnya di Luar Bandar, maka Seminar ini diadakan. Adalah diharapkan tujuan penting Majlis Seminar ini, agar benar-benar akan dapat memberi panduan dan pelajaran kepada kami, apakah peranan-peranan Pertubuhan-pertubuhan sukarela dan kami kaum wanita perlu berbuat? lebih-lebih di dalam masa "Pembangunan dan Gerakan Pembaharuan" ini.

Dengan itu kita seharusnya mencari pendapat dan pendidikan bersama-sama, dan ini tidak terlambat bagi kita semua, terutama bagi wanita-wanita muda, kerana pendidikan juga pembangunan. Pembangunan bathin, tabiat dan kecergasan manusia. Dengan dipenohi semangat kesedaran tanggungjawab dan pengetahuan yang akan dapat dari Majlis ini nanti, terutama nasihat dan tunjuk ajar di dalam ucapan yang akan diberikan oleh Y.A.B. Tun Timbalan Perdana Menteri, sebentar lagi. Saya nampak kita akan berjaya dalam kerja-kerja usaha kita bersama, kepada matlamat kesejahteraan masyarakat seluruhnya.

Y.A.B. Tun, kami pekerja-pekerja sukarela dari pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan wanita, adalah berazam kuat akan memberikan kerjasama yang bersungguh-sungguh lagi kepada Kerajaan dalam usaha pembangunan ini, dan kami sedia menerima pemberian hak dan tanggungjawab, tegoran, serta bimbingan dari Kerajaan, demi bagi kesejahteraan keluarga, masyarakat dan Negara Malaysia.

Akhirnya marilah kita bersama-sama memohon kehadiran Tuhan Yang Maha Berkuasa, agar Seminar kita ini diberkati, dan mendapat kejayaan seterusnya.